

29 MAY 1999

Isa-PM

HASRAT PARTI PEMBANGKANG JADI PM DIANGGAP INGIN KEKAL SOKONGAN

SEREMBAN, 29 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata parti pembangkang menimbulkan isu bahawa mereka berhasrat menjadi Perdana Menteri kerana tahu isu itu boleh mengekalkan sokongan penyokong mereka kepada parti itu.

Beliau yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, ia sebagai salah satu taktik...taktik untuk mengekalkan sokongan supaya penyokong mereka yakin bahawa parti yang mereka sokong akan menubuhkan kerajaan.

"Memang ini dibuat sebagai salah satu faktor untuk mengekalkan sokongan...kalau tidak, penyokongnya akan lari...untuk apa menyokong parti yang tidak boleh menang dan tidak boleh jadi Perdana Menteri.

"Oleh kerana mereka takut hilang sokongan, mereka terpaksa gambarkan bahawa parti mereka kuat dan mereka berhasrat untuk menjadi Perdana Menteri.

Tetapi yang lucunya mereka tidak dapat menentukan siapa akan menjadi Perdana Menteri. Itu menunjukkan mereka belum ada persefahaman," katanya ketika mengulas kenyataan presiden Pas Datuk Fadzil Noor dalam akhbar hari ini yang membayangkan pemimpin parti itu akan menjadi Perdana Menteri sekiranya pakatan parti pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

Fadzil membuat kenyataan itu selepas merasmikan Muktamar Tahunan Pas Ke-45 di Markas Tarbiah Pas di Taman Melewar, Kuala Lumpur, semalam.

Fadzil juga menegaskan, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang tidak boleh menjadi Perdana Menteri manakala Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai masa depan politik yang tidak menentu.

Mohd Isa berkata, beliau tidak nampak ada kebenarannya, tetapi bagi mengekalkan sokongan daripada penyokong, mereka terpaksa menyebut mereka akan menjadi Perdana Menteri.

Katanya, pada pilihan raya umum 1990 pun demikian juga. Ketika itu gabungan parti Semangat 46 (S46) dan Pas sebagai Barisan Bertindak. S46 yakin akan jadi Perdana Menteri.

Ini berbeza dengan Barisan Nasional (BN) kerana kita telah jelas bahawa yang akan menjadi Perdana Menteri ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Beliau berkata, Pas menggunakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sebagai alat untuk mendapat sedikit sebanyak sokongan daripada orang Melayu yang mempunyai simpati dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

-- BERNAMA